

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD
TAHIR**
KAWASAN : TEMERLOH
TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha Kerajaan untuk mengelakkan kontraktor - kontraktor pembinaan kerugian kerana tidak dapat menyiapkan projek dan pembangunan negara tergendala.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui *desktop survey* oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mendapati cabaran yang dihadapi oleh kontraktor untuk beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah:

1. Isu aliran tunai;
2. Kerisauan jika terkena jangkitan COVID-19;
3. Tanggungan kos operasi untuk memenuhi SOP;
4. Tanggungan kos saringan COVID-19 ke atas pekerja; dan
5. Kekeliruan terhadap SOP.

KKR amat peka ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh penggiat industri termasuk kontraktor. Sehubungan itu, KKR melalui CIDB telah menyediakan Inisiatif Prihatin CIDB sehingga hujung tahun 2020 bertujuan untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh kontraktor seperti berikut:

1. Penangguhan pembayaran levi (untuk projek swasta sahaja);
2. Pengecualian mata CCD bagi tujuan pembaharuan pendaftaran;
3. Penangguhan penganan syarat MCore (G1) ke 2021;
4. Pengecualian syarat Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) dan Kursus Integriti;

5. Penangguhan yuran penyertaan latihan kemahiran personel binaan tempatan;
6. Penangguhan yuran penilaian kompetensi kemahiran Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK);
7. Insentif yuran latihan dalam penyeliaan dan pengurusan; dan
8. Melanjutkan tempoh sah perakuan personel binaan sementara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan beberapa inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) yang telah diumumkan untuk membantu kontraktor memulakan operasi dan seterusnya merencanakan semula ekonomi negara. Inisiatif tersebut meliputi suntikan terus projek-projek segera dan bantuan tidak langsung bagi mengurangkan bebanan kewangan kontraktor dan syarikat untuk beroperasi.

Sekian, terima kasih.